

**MINIT MESYUARAT JAWATANKUASA INDUK EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR
AWAM (EKSA) JTM BIL. 5/2022**

Tarikh	:	14 Oktober 2022 (Jumaat)
Masa	:	9.30 pagi
Tempat	:	Bilik Mesyuarat Utama, Aras 6, JTM
Pengerusi	:	Encik Mat Setia bin Mohd Raji Timbalan Ketua Pengarah JTM
Kehadiran	:	Seperti di LAMPIRAN 1

1. PERUTUSAN Pengerusi

- 1.1. Pengerusi mengucapkan salam dan mengalu-alukan kehadiran semua ahli ke Mesyuarat Jawatankuasa Induk Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) JTM Bil.5 Tahun 2022.

2. PENGESAHAN MINIT MESYUARAT

- 2.1 Minit Mesyuarat Jawatankuasa Induk EKSA JTM Bil.4/2022 bertarikh 19 Julai 2022 disahkan oleh Encik Noor Imran bin Mohamad dan disokong oleh Puan Hjh. Lisa Rahmat.

3. PERKARA-PERKARA BERBANGKIT

- 3.1 Jawatankuasa Promosi perlu mengeluarkan satu manual pengguna cara memuatnaik maklumat ke dalam Sudut EKSA Maya bertujuan agar maklumat yang dipaparkan adalah yang terkini.

TINDAKAN: Jawatankuasa Promosi

- 3.2 Pengerusi mengingatkan agar pemasangan workstation bagi penempatan ruang kerja pegawai PMO JIMS perlu diselesaikan dengan segera sebelum akhir tahun.

TINDAKAN: Urus Setia

Rujukan: JTM/HQ/100-12/10 ()

- 3.3 Urus setia memaklumkan kotak-kotak kubikel akan disediakan untuk setiap workstation hanya akan diperuntukan pada tahun depan.

Untuk Makluman

- 3.4 Mesyuarat mencadangkan agar satu penjelasan atau penerangan perlu diadakan bagi membincangkan perkara-perkara yang berkaitan dengan EKSA dari Kementerian Sumber Manusia atau MAMPU.

TINDAKAN: Jawatankuasa Latihan

- 3.5 Mesyuarat turut bersetuju agar Bilik Perbincangan Aras 6 ditukar nama kepada Bilik Mesyuarat Emerald dan Bilik Mesyuarat Aras 8 ditukar nama kepada Bilik Mesyuarat Zircon.

TINDAKAN: Urus Setia

4. PEMBENTANGAN JAWATANKUASA STANDARD

- 4.1 Slaid pembentangan telah dibentangkan oleh Jawatankuasa Standard seperti di **Lampiran 2**.

TINDAKAN: Untuk Makluman

- 4.2 Mesyuarat bersetuju dengan cadangan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Standard agar JTM menggunakan *Standard Operating Procedure* yang mengandungi *Safety Operating Procedure* di JTM. Komponen yang perlu ada di dalam SOP adalah sebelum, semasa dan selepas menggunakan peralatan. Format ini perlu diselaraskan oleh Jawatankuasa Keselamatan EKSA JTM dan SOP bagi peralatan ICT pula disediakan oleh Cawangan Teknologi Maklumat (CTM) JTM.

TINDAKAN: Untuk Makluman

5. HAL-HAL LAIN


Tiada

6. PENUTUP

- 6.1 Pengerusi mengucapkan terima kasih dan menanggungkan mesyuarat pada jam 4.00 petang.

Rujukan: JTM/HQ/100-12/10 ()

Disediakan oleh :




.....
(**REKHA KANAPATHY**)

Setiausaha

Tarikh : 6/1/23

Disahkan oleh :



.....
(**AZIZUL BIN MUSTAFA**)

P (KP) / Penyelaras Jawatankuasa Induk EKSA JTM

Tarikh : 10/1/2023

SENARAI KEHADIRAN:

1. Encik Mat Setia bin Mohd Raji - Pengerusi
2. Encik Azizul bin Mustafa - Penyelaras & Ketua Zon Ruby
3. Encik Noor Imran bin Mohamad - Fasilitator
4. Cik Junita binti Mohamed Ali - Ketua Zon Diamond
5. Puan Junnaina binti Husin Chua - Ketua Zon Amethyst
6. Puan Rekha A/P Kanapathy - Setiausaha
7. Puan Mazra Neesha binti Abdul Hussin - Ketua Jawatankuasa Latihan
8. Puan Saidatina Asmah binti Ajuhary - Ketua Jawatankuasa Promosi
9. Puan HjH Noor Lisa Rahmat - Ketua Jawatankuasa Keseragaman (Standard)
10. Encik Rostam bin Hamzah - Ketua Jawatankuasa Keselamatan
11. Encik Abdul Hadi bin M Sirat - Urus setia
12. Encik Muhammad Farhan bin Hamid - Urus setia
13. Puan Juliana binti Ali - Urus setia
14. Puan Rozitah Haron - Urus setia
15. Cik Nur Hidayatul Nadzirah binti Amirudin - Urus setia
16. Encik Mohd Fazli bin Ramli - Jurugambar
17. Ts. Mohd Abd Fatah Mohd Ramly - Wakil Zon Emerald
18. Encik Zahari bin Jusoh - Wakil Zon Zircon
19. Puan Siti Norhidayah Umar - Wakil Zon Amethyst
20. Encik Zawawi bin Abdullah - Wakil Jawatankuasa Promosi
21. Encik Harma Hazizi bin Md Haris - Wakil Zon Emerald